

Headline	100,000 rakyat alami masalah kegagalan buah pinggang menjelang 2040
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak
Date	16 Jan 2018
Language	Malay
Section	News
Color	Full Color
Page No	8



100,000 rakyat alami masalah kegagalan buah pinggang menjelang 2040

KUCHING: Dianggarkan 100,000 rakyat Malaysia akan mengalami masalah kegagalan buah pinggang menjelang 2040 jika tidak dicegah mulai sekarang.

Perkara itu didehdahkan Pengerusi CHK Moral Uplifting Society Kidney Foundation Datuk Tay Chin Kin kerana menurutnya kes kegagalan buah pinggang diseluruh negara sudah mencecah lebih kurang 40,000 setakat ini.

"Kita semua tahu, dialisis tidak akan menyembuhkan penyakit kegagalan buah pinggang ini melainkan terdapat pemindahan baharu organ berkaitan yang mana penderma organ tersebut juga sangat rendah di negara ini.

"Bagaimanapun, kesedaran mengenainya amatlah kurang dalam kalangan masyarakat kita hari ini justeru, saya berharap selepas ini lebih ramai yang akan tampil untuk menjadi penderma organ," katanya ketika berucap pada Majlis Lawatan Perkhidmatan Pusat Dialisis Amal CHK MUS-MAA MEDICARE di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah berkata penyakit tidak berjangkit sudah menjadi global dan trendnya menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Maka dengan itu, jumlah pesakit yang menjalani dialisis di Sarawak pada tahun lepas adalah sebanyak 1,927 kes yang juga merupakan pesakit yang mengalami 'End Stage Renal Failure'.

"Kebiasaan penyakit kegagalan buah pinggang tidak menunjukkan sebarang tanda pada awalnya, jus-teria dipanggil 'pembunuh senyap'.

"Pertambahan tersebut juga disebabkan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti hipertensi dan diabetes juga obesiti yang sebenarnya menjadi penyebab kegagalan buah pinggang.

Maka dengan itu, cara untuk mencegah daripada

terkena penyakit kegagalan buah pinggang adalah dengan bersenarai secara kerap, mengawal berat badan, memakan diet makanan yang seimbang, memantau kadar kolesterol, tekanan darah tinggi dan glukosa dalam badan berada dalam kawalan serta membuat saringan kesihatan secara kerap," tambahnya.

Jumlah pusat dialisis swasta di Sarawak adalah 46 buah dan sehingga Disember 2017, terdapat 415 mesin haemodialisis di seluruh negeri.

Fatimah turut menjelaskan bahawa kos perubatan dan kos lain yang ditanggung oleh Jabatan Neferrologi, Hospital Umum Sarawak (HUS) pada 2017 adalah RM16.879 juta.

Setiap pesakit, tegasnya yang mengalami kegagalan buah pinggang perlu menjalani sekurang-kurangnya tiga kali dialisis dalam seminggu yang memakan masa sekurang-kurangnya empat jam satu sesi.

Dianggarkan setiap pesakit kegagalan buah pinggang perlu membayar kos perubatan yang berjumlah sekitar RM500,000.

Kementerian tidak mempunyai geran untuk diberi kepada pemohon yang menjalani khidmat dialisis tetapi pesakit berkemungkinan boleh memohon di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk Bantuan Pesakit Kronik, ujarnya.



MENCERIAKAN: Fatimah (kiri) menyampaikan sedikit sumbangan cenderamata kepada salah seorang pesakit menjalani dialisis di CHKMUS-MAA MEDICARE semalam.